

Sektor Pembelajaran Meraih Beberapa Pingat Emas dan Pingat Perak Dalam 5th CAIELTS 2020



The 5th Creativity and Innovation Exhibition and Language Teaching Seminar (5th CAIELTS 2020) yang berlangsung pada 08 Ogos 2020 secara maya, anjuran Persatuan Penyelidikan, Inovasi, dan Kreativiti Labuan (Labuan Research, Innovation and Creativity Society – LaRIS) telah menampilkan tujuh pegawai Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan berkongsi dapatan kajian dengan jayanya.

Unit Bahasa menghantar tiga penyertaan untuk seminar pengajaran bahasa – dua individu dan satu kumpulan. Hjh Siti Zahara binti Mohammad telah membentangkan kertas konsep bertajuk “Pemetaan DSKP dan item” manakala Dr. Hyginus Lester berkongsi kertas konsep “Integrasi Tonggak Pedagogi, Alat PAK21, dan SKPMg2 S4: Satu Syor Model PdPc”. Kedua-dua pembentang meraih pingat emas. Turut meraih pingat emas ialah pembentangan kumpulan yang dianggotai oleh Puan Amiah binti Bua dan Dr. Hyginus Lester bertajuk “Adopting and adapting the ‘new normal’ in ELT during MCO”.

Pasukan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) pula membentangkan dapatan “Penggunaan DSKP dalam kalangan guru Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di Labuan”. Pasukan yang terdiri daripada Encik Pgn Abdul Kadir Pgn Budin, Puan Arni Samiraty Abdol Samat, Cik Juraidah Aman, Cik Suriani Alland Rice Oxley, dan Dr. Hyginus Lester meraih pingat perak.

5th CAIELTS 2020 peringkat antarabangsa ini disertai oleh 129 orang termasuk pembentang fitur (featured speakers), antaranya Professor Madya Dr. Jonathan Newton (Pengarah MA in TESOL, Victoria University of Wellington, New Zealand), YBhg To’ Puan Nurul Izatee Md Yusoff (Ketua Pegawai Eksekutif Institut Darul Naim), Dr. Mohamad Ramon Dasuki (Dekan, Fakulti Sastra, Universitas Pamulang, Indonesia), Dr. Dewi Indrani Anggraini (Dosen, Universitas Pamulang, Indonesia), Darshini Nadarajan (University of Oxford), Angelicia Anthony Thane (Victoria University of Wellington), Rocky Michael Tandi (Francis School, Indonesia), dan Eka Margianti Sagimin (Universitas Pamulang, Indonesia).

Juri 5th CAIELTS 2020 pula adalah Encik Goh Kok Ming (Top 5 Cikgu Juara Digital MDEC dan MIE Expert), Puan Chin Tsuey Wei (mantan SISC+), Dr. Tam Suet Yet (Wellington,

New Zealand), Puan Joscey Joseph @ Linda (pensyarah), dan Cik Suriani Alland Rice Oxley (Tokoh Inovasi Labuan).

Pembentang 5th CAIELTS 2020 dari Sektor Pembelajaran merakamkan penghargaan kepada Encik Yusup bin Hj Mohamad, Timbalan Pengarah Pembelajaran atas sokongan moral yang telah diberikan. Mereka juga turut mengucapkan terima kasih kepada Puan Khaziyati Osman, Pengarah Pendidikan Labuan kerana sentiasa menggalakkan warga jabatan untuk terus berkecimpung dalam penyelidikan dan inovasi.

